



DR Mahathir menunggang kuda di Pusat Ekuin Universiti Putra Malaysia, semalam.

Cuaca buruk tak halang beriadah

Kuala Lumpur: Hujan renyai dan fenomena jerebu tidak menghalang Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad melakukan aktiviti riadah menunggang kuda di Pusat Ekuin Universiti Putra Malaysia (UPM), dekat sini, semalam.

Perdana Menteri menghabiskan kira-kira satu jam berkuda di kawasan berkenaan, demikian menurut catatan di Facebook beliau, yang turut disertakan pautan video ber-

kuda di laman YouTube rasminya, Chedet Official.

“Awal pagi Ahad, cuaca hujan renyai tak menghalang Tun Dr Mahathir menunggang kuda di Pusat Ekuin, UPM.

“Ini adalah antara aktiviti kegemaran beliau yang sudah lama tidak dapat dilakukan kerana kesempitan masa.

“Dr Mahathir menghabiskan kira-kira satu jam berkuda di kawasan tersebut,” menurut catatan itu.